

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**  
**TARIKH : 10 JUN 2015**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada penyakit Thalassaemia boleh dirawat di Malaysia. Nyatakan kenapa ramai pesakit penyakit ini terpaksa mendapat rawatan Cord Blood Transplantation (CBT) di negara Taiwan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perkhidmatan untuk rawatan talasemia ini ada disediakan di semua hospital berpakar dengan tujuh (7) buah pusat regional iaitu di Institut Paediatrik, Hospital Pulau Pinang, Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh, Hospital Sultan Ismail Pandan, Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu, Hospital Umum Sarawak dan Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah. Terdapat seramai 20 orang pakar paediatric hemato-onkologi yang memberikan perkhidmatan untuk rawatan talasemia di seluruh Malaysia.

Selain dari transfusi darah dan pemberian ubat *chelating agent* sebagai rawatan standard untuk penyakit talasemia, penyakit ini juga boleh dirawat dengan transplantasi sum-sum tulang atau transplantasi darah tali pusat (*cord blood*). Perkhidmatan transplantasi untuk talasemia ini disediakan di Institut Paediatrik Hospital Kuala Lumpur, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah, Pusat Perubatan Universiti Malaya dan juga Pusat Perubatan Sime Darby. Walaubagaimanapun, pemindahan darah tali pusat bukan merupakan satu kaedah rawatan utama (*goal standard*) dan kadar kejayaan rawatan (*success rate*) menggunakan kaedah ini adalah sangat rendah. Kaedah ini memerlukan kos rawatan yang amat tinggi (antara RM30,000 – RM100,000) serta sukar mendapat penderma yang sesuai.

Untuk makluman, hanya terdapat kurang dari lima (5) sahaja kes kanak-kanak dan dewasa dari hospital swasta yang menguruskan sendiri untuk mendapatkan rawatan transplantasi darah tali pusat di negara Taiwan.